

Guna EPC jimat elektrik

Oleh AQILAH MIOR KAMARULBAID

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 10 SEPT.

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menjadi universiti awam pertama di negara ini yang mengambil langkah proaktif untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik melalui kontrak prestasi tenaga (EPC) pada skala besar.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata, kaedah tersebut akan dilaksanakan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan universiti itu memandangkan fakulti tersebut menggunakan jumlah tenaga elektrik yang tinggi.

Jelasnya, kaedah EPC dijangka dapat menjimatkan penggunaan tenaga elektrik sehingga 30 peratus, selain mampu menjimatkan perbelanjaan yang boleh disalurkan untuk kegunaan lain yang lebih mendesak.

"UPM dijangka mampu menjimatkan bil elektrik untuk fakulti tersebut sebanyak RM1.3 juta setahun."

"Peratus keuntungan dari penjimatkan tenaga elektrik untuk tempoh lima tahun dan nilai prestasi tenaga akan dibuat secara tahunan," katanya dalam sidang akhbar selepas memeterai memorandum persefahaman (MoU) untuk bekerjasama dengan Kumpulan



MOHD. FAUZI RAMLAN (dua dari kiri) bertukar dokumen perjanjian persefahaman UPM-SIAZ dengan Asrul Muniff Azizan di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/IRWAN MAJID

Siaz Holding Berhad dalam membawakan kaedah EPC tersebut.

Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Loo Took Gee turut hadir menyaksikan majlis menandatangan MoU tersebut.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Siaz Holding, Asrul Muniff Azizan berkata, pihaknya telah selesai melaksana-

kan audit tenaga di fakulti tersebut dan menyiapkan laporan serta cadangan.

"Segala kos pelaksanaan EPC akan ditanggung oleh kami dan jika tiada penjimatkan maka syarikat tidak akan mendapat bayaran daripada UPM, sebaliknya jika bil elektrik meningkat selepas pelaksanaan, syarikat pula akan membayar perbezaan kepada UPM," jelasnya.